


AGRO

DITOR BERSEKUTU (RENCANA): HUSAIN JAHTI

TEL: 1-300-22-6787 SAMB: 4791 FAKS: 03-20567083/7084



KRIM ATASI EKZEMA

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencari jalan penyelesaian untuk melegakan simptom penyakit ekzema atau atopik dermatitis (AD) yang menyebabkan kegatalan dan keradangan pada kulit.

Formulasi yang dihasilkan melalui ekstrak kelapa sawit itu menjadi produk krim ultra pelembab

semula jadi berasaskan spektrum penuh vitamin E yang bebas steroid dikenali sebagai REMDII Sensitive.

Ekzema menyebabkan kulit menjadi merah, kering, bersisik dan sangat gatal. Penyakit kulit ini dideritai sesiapa saja sama ada dewasa mahupun kanak-kanak.

Ketua Penyelidik dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM Prof Dr Lai Oi Ming berkata, REMDII Sensitive dibangunkan tanpa unsur bahan pengawet.

> 4&5



TIDAK MENGANDUNGI BAHAN AKTIF

RPO mempunyai peluang baik sebagai penyelesaian menyeluruh bagi penjagaan kulit

FOKUS
DARI MUKA 1

Beliau berkata, ia mengandungi bioaktif antiradang nano yang mampu menembusi lapisan dermis kulit bagi merangsang pemulihan. "Produk ini dirumus dengan minyak olein ekstrak daripada sawit merah (RPO) yang kaya dengan tokoferol, tocotrienol dan karotenoid yang juga ramuan utama formulasi penjagaan kulit.

"Penggunaan RPO terhad dalam aplikasi makanan kerana ia direka untuk mengekalkan kepentingan fitonutrien dalam buah kelapa.

"Ia melalui langkah pemrosesan yang lebih ringan untuk menangani masalah kekurangan vitamin di beberapa kawasan luar bandar," katanya pada sidang media di UPM, Serdang, baru-baru ini.

Dr Lai berkata, dengan teknologi yang maju dalam industri penjagaan kulit dan permintaan pengguna terhadap produk yang lebih semula jadi dengan kecekapan setara atau lebih baik, RPO mempunyai

peluang yang baik untuk menjadi penyelesaian menyeluruh bagi penjagaan kulit.

"RPO yang dimuatkan dengan bioaktif termasuk tocotrienol dan antioksidan yang tinggi mempunyai harga yang kompetitif serta stabil.


"Malaysia antara negara pengeluar utama minyak sawit dan pengeluaran RPO yang mantap. Oleh itu, RPO adalah bahan ideal untuk dimasukkan dan dirumuskan menjadi produk penjagaan kulit pada tahap skala yang besar," katanya.

Menurutnya, kajian mendapati kebanyakan daripada emolien iaitu bahan yang digunakan untuk mencegah atau mengurangkan kekeringan sebagai perlindungan bagi kulit yang dijual untuk melegakan ekzema tidak mengandungi bahan aktif.


"Ia masih mempunyai banyak bahan kimia sintetik, pengawet dan bahan asas yang murah apabila mungkin boleh menyebabkan kesan sampingan.

"Data klinikal yang diperolehi turut menunjukkan produk ini berjaya mengurangkan kegatalan dan





4



5



6

Data klinikal yang diperolehi turut menunjukkan produk ini berjaya mengurangkan kegatalan dan pengelupasan dengan berkesan serta dapat merawat keadaan kulit dalam masa hanya dua minggu

DR LAI

pengelupasan dengan berkesan serta dapat merawat keadaan kulit dalam masa hanya dua minggu," katanya.

Beliau yang juga penyelidik bersekutu di Institut Biosains UPM berkata, selain menasaskan penghidap ekzema, produk ini juga memberi tumpuan kepada pengguna produk halal di semua peringkat usia.

Katanya, projek penyelidikan yang dijalankan selama dua tahun sejak Januari 2014 itu membabitkan penyelidik Dr Lai Wee Ting, Dr Nicholas Khong Mun Hoe,

Hishammudin Muhammad dan Leow Min Min.

"Produk ini sudah dikomersialkan melalui syarikat Lipidware Sdn Bhd dengan kerjasama Putra Science Park (PSP) UPM," katanya.

Bagaimanapun, LIPIDWARE menyarankan REMDII Sensitive bukan penawar sepenuhnya bagi penyakit ekzema. Setiap pesakit adalah unik dan perlu dipantau doktor yang berpengalaman.

REMDII Sensitive dirumuskan untuk mengurangkan keradangan kulit tanpa penggunaan steroid.

1. REMDII Sensitive antara penyelesaian terhadap penyakit ekzema atau atopik dermatitis (AD).
2. DR Lai bersama produk REMDII dan anugerah emas yang diterima.
3. DR Lai bersama pelajarinya.
4. DR Lai (kiri) bersama Dr Lai Wee Ting.
5. UJIAN makmal dilakukan.
6. PERTUKARAN dokumen perjanjian antara Hishammudin (kanan) dengan Ketua Pengarah Eksekutif Human Life Advancement Foundation Junaidi Saidi yang disaksikan Dr Lai.